

MUBIN Parajah bersama tangkapan ikan tuna yang dipancing di perairan Pulau Sipadan, Semporna, Sabah baru-baru ini.

ISMAIL Ali bersama tangkapan ikan belitung yang dipancingnya di kawasan unjam ikan di perairan Pulau Sipadan.



Bantu menambah pendapatan nelayan tradisional Pulau Mabul

# Payao tingkat tangkapan ikan

Um 8/03/2012 30

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA  
utusanborneo@utusan.com.my

**SEMPORNA 7 Mac** - Pemasangan payao atau lebih dikenali sebagai unjam ikan di luar perairan Pulau Sipadan, Semporna telah membantu meningkatkan jumlah tangkapan ikan dan pendapatan para nelayan tradisional di Pulau Mabul.

Menurut seorang nelayan, Mubin Parajah, 60, sejak adanya payao berkenaan, mereka tidak lagi perlu menangkap ikan khususnya tuna di kawasan perairan berhampiran Filipina-Indonesia seperti sebelum ini.


Inisiatif pemasangan payao itu dibuat oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula pada November tahun lalu.

"Nelayan di Pulau Mabul tidak lagi perlu menangkap ikan tuna sejauh itu dan ia banyak menjimatkan kos minyak, selain keselamatan nelayan juga lebih terjamin. Justeru, kami amat berterima kasih kepada UMS atas pemasangan payao ini," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Mubin yang bertindak sebagai wakil pemantau payao memberitahu, sejak ia dipasang kira-kira empat bulan lalu, payao tersebut telah membuahkan hasil apabila mula menjadi tumpuan ikan-ikan tuna bersaiz besar.

Beliau menjelaskan, meskipun para nelayan dibenarkan menangkap ikan melalui kaedah pancing, mereka masih mampu mendapat ikan-ikan tuna bersaiz besar dan bernilai tinggi di pasaran.

Sementara itu, Penyelaras Program Payao Usaha Majlis Kesukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (Maskum) UMS, Prof.



UNJAM ikan atau Payao di perairan Pulau Sipadan membantu nelayan Pulau Mabul meningkatkan hasil tangkapan ikan tuna.

Madya Dr. Ismail Ali berkata, projek pemasangan payao Daerah Semporna itu dibiayai oleh Maskum Pusat.

Melalui dana Maskum itu, katanya, Maskum UMS telah berjaya menghasilkan dua buah payao dan kini ditempatkan di luar perairan Pulau Sipadan pada kedalaman melebihi 1,000 meter.

Beliau menambah, pihaknya

akan memantau program tersebut selama lima tahun, mulai 2012 hingga 2017, sebelum diserahkan sepenuhnya kepada nelayan untuk menguruskannya.

"Sebenarnya program ini bertujuan meningkatkan jumlah tangkapan ikan tuna dan taraf sosioekonomi nelayan serta meningkatkan pengetahuan penguurusan perikanan tuna laut dalam

secara mapan dalam kalangan nelayan tradisional di Semporna.

"Ia dilaksanakan di bawah Program Modul Kelautan dan Maskum UMS telah diberi kepercayaan oleh Sekretariat Maskum Pusat projek ini," katanya kepada Utusan Malaysia.

Pada masa ini, Ismail berkata, kos penyelenggaraan dan menaik-

taraf payao itu ditanggung sepenuhnya oleh para nelayan dengan cara membayar kepada wakil yang dilantik bagi setiap kilo ikan tuna yang ditangkap nelayan.

Berdasarkan kepada tinjauan dan pemeriksaan yang dijalankan pada 4 dan 6 Februari lalu, Ismail memberitahu, pihaknya mendapati dua buah payao yang dipasang dikunjungi oleh ikan-ikan tuna dan lain-lain spesies ikan laut dalam dan mula dituai hasilnya oleh para nelayan.

Beliau menjelaskan, dengan menggunakan kaedah pancing, para nelayan mampu mendaratkan ikan tuna sekitar 150 hingga 300 kilogram dalam tempoh tiga hari berada di payao tersebut.

Menurut Ismail, para nelayan hanya dibenarkan menangkap ikan tuna di payao berkenaan dengan menggunakan kaedah pancing untuk memastikan sumber ikan tuna dapat diuruskan dengan baik dan berkekal bagi jangka masa panjang.

Dalam pada itu, katanya, UMS bercadang menambah dua buah payao lagi dalam tempoh terdekat.

"Memandangkan program tersebut mula membuahkan hasil dan mencapai matlamatnya, kita juga bercadang memperluaskan program itu ke seluruh Sabah secara berperingkat-peringkat," ujarnya.

Di samping itu, untuk memantapkan lagi program berkenaan, Ismail menyarankan agar kerajaan Sabah memberi perhatian terhadap keupayaan kaedah payao dalam mempertingkatkan jumlah tangkapan ikan nelayan selain meneruskan usaha pemasangan tukan tiruan yang telah dilaksanakan sebelum ini.

NELAYAN Pulau Mabul dan pelajar UMS memasang unjam ikan di perairan Pulau Sipadan.

